



KENYATAAN MEDIA

CYBERJAYA
27 OGOS 2023

MCMC MENGAMBIL TINDAKAN BERPANDUKAN AKM 1998

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) berasa kesal susulan kenyataan yang dikeluarkan oleh TV Pertiwi memandangkan proses siasatan terhadap portal itu masih dijalankan.

Dalam pertemuan yang berlangsung pada 22 Ogos 2023, isu yang berbangkit daripada sekatan yang dikenakan ke atas TV Pertiwi telah dibincangkan. MCMC telah menjelaskan bahawa proses siasatan sedang dijalankan dan sebarang pendedahan berkaitan perkara tersebut boleh menjelaskan siasatan kes berkenaan.

MCMC kekal teguh dalam menjalankan kewajipannya di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998) bagi menghalang sebarang perlakuan atau percubaan melakukan kesalahan, terutamanya yang berkaitan dengan kandungan yang palsu atau jelik.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



SKMM_MCMC



MCMCTV